

LAMPIRAN A

1. Mengenalpasti pam tandas yang rosak dan membaikinya secepat mungkin dan pastikan tiada takungan air di dalam pam tandas yang rosak tersebut.
2. Pihak pengurusan hendaklah memasukkan racun pemusnah jentik-jentik (Abate 1% SG) di dalam semua pam tandas, termasuklah di tandas asrama. Abate boleh diperolehi di Pejabat Kesihatan (digalakkan buat dalam bentuk 'bunjut' supaya tahan lebih lama).
3. Membersihkan taman mini (focus kepada peralatan yang berpotensi menakung air seperti bekas siram pokok bunga dan sebagainya).
4. Membersihkan tempat pembuangan sampah dan longkang tersumbat.
5. Memastikan stor kemas dan tidak meletakkan barangan di kawasan luar stor yang terdedah kepada air hujan.
6. Pihak pengurusan diminta untuk menjalankan gotong-royong pembersihan kawasan IPTA dan IPTS (termasuk asrama) sebelum sesi pengajian bermula.
7. Pastikan di bilik asrama dan tandas pelajar dilakukan semburan aerosol bagi membunuh nyamuk dewasa. Semburan perlu dilakukan sebelum atau pada hari kemasukan pelajar.
8. Pastikan kawasan tempat meletak kenderaan dan di kawasan pintu masuk utama bebas daripada bekas-bekas yang berpotensi menjadi tempat pembiakan jentik-jentik.